

# JPA terima 68,000 cadangan lebih 30,000 penjawat awam

Oleh [Norzamira Che Noh](#) - September 26, 2023 @ 6:46pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi), Datuk Dr Anesee Ibrahim beramah mesra bersama penjawat awam pada Sesi Libat Urus Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Bersama Penjawat Awam Negeri Selangor, di Bangunan SUK Selangor, Shah Alam, hari ini. NSTP/Faiz Anuar

SHAH ALAM: Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menerima 68,000 cadangan daripada lebih 30,000 penjawat awam berkaitan kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam yang sedang dilaksanakan jabatan itu di seluruh negara.

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi), Datuk Dr Anesee Ibrahim, berkata jumlah cadangan berkenaan direkodkan sehingga 22 September lalu dan dijangka akan terus meningkat selepas sesi libat urus yang diadakan bersama penjawat awam di Selangor, hari ini.

Katanya, sesi townhall diadakan pada 18 Ogos di Pulau Pinang, sebelum diteruskan ke Terengganu, Pahang, Perak, Kedah dan Selangor, sebelum diteruskan ke negeri lain.

"Selain daripada townhall, kita juga menyediakan portal atau laman sesawang JPA yang mana sesiapa saja boleh memberikan idea di situ dan setakat ini," katanya ketika berucap sesi libat urus Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam bersama Penjawat Awam Negeri Selangor, di Dewan Jubli Perak, dekat sini, hari ini.

Dalam pada itu, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Haris Kasim, berkata sesi libat urus bersama penjawat awam negeri yang berlangsung hari ini menjadi antara program yang menyokong dasar pembangunan Rancangan Selangor Pertama (RS-1).

Beliau berkata program melibatkan sesi soal jawab berhubung kajian sistem persaraan itu seiring dengan tema empat rancangan pembangunan negeri yang menekankan tadbir urus SMART dan berkesan.

"Ini bagi mewujudkan dasar dan fleksibiliti pengurusan sumber manusia yang tangkas dan mengutamakan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan," katanya.